



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA**  
**USTAZ HAJI AHMAD BIN HAJI ALI**  
**SEJARAH TOK UBAN**

**OLEH:**

**ELYN FARDYANA BINTI MOHAMMAD NOOR AZAM**  
**NORHANIM BINTI ABU SEMAN**

**2013514201**  
**2013183601**

**PROJEK IINI DIMAJUKAN KEPADA**  
**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**  
**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS**  
**IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN**  
**SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
USTAZ HAJI AHMAD BIN HAJI ALI  
SEJARAH TOK UBAN

OLEH:

ELYN FARDYANA BINTI MOHAMMAD NOOR AZAM	2013514201
NORHANIM BINTI ABU SEMAN	2013183601

PROJEK IINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

# PENGHARGAAN

## PENGHARGAAN

Kami ingin memanjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya serta keizinanNya kami mampu untuk menyiapkan projek ini. Kami sangat terharu kerana diberikan peluang untuk menjalankan projek ini. ALHAMDULILLAH.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM) kerana memberi peluang kepada kami untuk melanjutkan pelajaran kami dalam bidang Pengurusan Sistem Maklumat (IM245) di Kelantan. Ini adalah ternyata peluang yang diperolehi satu dalam sejuta. Kami juga ingin berterima kasih kepada Ketua Pusat Pengajian dan Ketua Koordinator Program Pengurusan Sistem Maklumat Kampus Kelantan, Dr. Mohd Nasir bin Mohd Ismail dan Mr. Mohd Zafian bin Mohd Zawawi.

Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi dan seikhlas hati terima kasih kepada pensyarah IMR 604, Pendokumentasian Sejarah Lisan, Puan Kamariah binti Chik kerana sentiasa berlapang dada membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang kami menyiapkan projek untuk semester ini.

Juga tidak dilupakan, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa dan rakan-rakan terlibat dalam penyediaan projek ini. Akhir kata, terima kasih kepada semua yang secara langsung dan tidak langsung untuk menyiapkan projek ini. Sepanjang penyediaan projek ini, kami telah menimba ilmu yang sangat banyak dan tidak terhingga yang kami dapat gunakan untuk kami bawa ke dunia pekerjaan kelak.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini dijalankan bertujuan untuk memenuhi tugas khusus bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan bersama tokoh yang telah dipilih yang mempunyai pengetahuan mengenai tajuk yang dipilih. Tugas khusus ini adalah berkaitan dengan "Cerita Rakyat Kelantan". Kajian ini dijalankan melalui kaedah temuramah bersama tokoh dan juga melalui kaedah pemerhatian di kawasan sekitar . Terdapat beberapa skop bidang soalan yang ditanya kepada tokoh termasuklah mengenai peribadi tokoh dan juga soalan mengenai tajuk yang dipilih iaitu "Tok Uban". Temubual ini dijalankan berkenaan tentang Tok Uban dan peninggalan beliau, Tok Uban merupakan tokoh yang dikatakan seseorang yang terkemuka sebagai peneroka pada zaman dahulu yang membuka Kampung Tok Uban. Tok Uban juga terkenal kerana mempunyai ilmu-ilmu ajaib dan ghaib kerana beliau juga seorang Tok Bomoh. Kampung Tok Uban yang terletak di Jajahan Pasir Mas, Kelantan . Temubual ini diadakan di kediaman tokoh iaitu Ustaz Ahmad bin Haji Ali yang terletak di Kampung Tok Uban.*

**Kata kunci:** *Cerita Rakyat Kelantan, Kampung Tok Uban, Peneroka, Tok Bomoh, Tok Uban, Ilmu Ajaib, Ketua Kampung*

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

## TAJUK

## MUKASURAT

PENGHARGAAN .....	3
ABSTRAK.....	5
ISI KANDUNGAN.....	7
BIODATA TOKOH.....	9
Pengenalan.....	11
TRANSKRIP .....	13
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH .....	14
BAHAGIAN 3: PERJALANAN HIDUP TOK UBAN .....	30
BAHAGIAN 4: PERJUANGAN TOK UBAN.....	34
BAHAGIAN 5: KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN TOK UBAN .....	38
LAMPIRAN .....	49
LOG WAWANCARA .....	50
DIARI KAJIAN .....	56
SENARAI SOALAN .....	61
SURAT PERJANJIAN.....	67



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



- Nama penuh : Haji Ahmad bin Haji Ahmad
- Umur : 76 tahun
- Pekerjaan : Pesara guru tetapi masih mengajar perihal agama di Masjid Mini Pondok Haji Ali yang juga diwarisi daripada bapanya, Haji Ali
- Latar belakang keluarga : Mempunyai seorang isteri dan anak seramai 14 orang
- Latar belakang pekerjaan
1. Guru di Sekolah Kebangsaan Kedondong (1962-1964)
  2. Guru di Sekolah Kebangsaan Tok Uban (1965-1975)
  3. Guru di Sekolah Kebangsaan Bukit Perah (1975-1995)
  4. Tok Imam di Masjid Mini Pondok Haji Ali (sekarang)

# PENGENALAN

## Pengenalan

Kajian ini dilakukan bagi memenuhi kriteria pemarkahan untuk subjek IMR 604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan). Secara umumnya, tugas yang diberikan untuk subjek ini adalah untuk mengkaji sejarah dan juga asal-usul cerita-cerita rakyat yang terdapat di negeri Kelantan Darul Naim ini. Kami sebagai pengkaji telah mencuba untuk menjejaki beberapa cerita rakyat di serata negeri Kelantan dan telah bertekad untuk mengkaji dengan lebih dalam tentang sejarah Tok Uban yang juga terletak di daerah Pasir Mas, Kelantan.

Di sepanjang penjejakan ini, pengkaji mendapati negeri Kelantan ini terdapat banyak cerita-cerita rakyat negeri Kelantan yang masih belum diterokai dan diketahui umum. Malah, ada juga cerita-cerita ini sudah tidak mempunyai waris untuk menceritakan kisah rakyat itu dengan tepat kerana sudah terlalu lama dibiarkan dan tidak didokumentasikan. Kebanyakan, pengkisah yang tahu secara lebih dalam tentang cerita-cerita rakyat ini sudahpun meninggal dunia dan tidak mewarisi cerita-cerita rakyat itu kepada generasi selepas mereka. Sebagai pengkaji yang tidak menetap di Kelantan dan juga datang dari generasi yang baru, amatlah teruja dengan pengkajian ini.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Tok Uban. Beliau dikatakan mendapat gelaran Tok Uban tetapi nama sebenar beliau adalah Tok Sulaimain. Gelaran Tok Uban diberikan kepadanya kerana beliau mempunyai banyak uban putih diseluruh tubuh beliau. Nama Kampung Tok Uban diambil bersempena nama beliau kerana beliau yang membuka kampung ini dan juga telah banyak jasa telah disumbangkan oleh beliau semasa beliau masih hidup. Dikatakan bahawa generasi beliau yang masih ada merupakan generasi keempat beliau. Kampung Tok Uban adalah sebuah perkampungan kecil yang terletak di Jajahan Pasir Mas, Kelantan. Sejarawan berpendapat bahawa sepuluh abad yang lalu telah wujud kampung ini dan Kampung Tok Uban ini dipercayai antara kampung tertua di Kelantan. Tok Uban berkeluasan sebanyak 30 kilometer persegi serta dihuni oleh lebih 5,000 penduduk. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

UHA: Ustaz Haji Ahmad

NH: Nor Hanim

EF: Elyn Fardyana

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**NH : Ok, Assalamualaikum ustaz. Saya, Norhanim Binti Abu Seman. Yang ini kawan saya Elyn Fardyana Binti Mohammad Noor Azam. *Kitorang*[kami] dari UiTM[Universiti Teknologi MARA] Machang. Kami buat temuramah**

ini dekat kediaman ustaz dekat Kampung Tok Uban pada tarikh dua puluh empat haribulan empat dua ribu enam belas [24/4/2016] bersamaan Ahad dengan pukul lima(5). Kami ini datang *nak*[hendak] berhajat temuramah Ustaz lah tentang kisah dan latar belakang Tok Uban ini. Temuramah ini *kitorang*[kami] buat untuk memenuhi subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan tentang kisah rakyat Kelantan. Ok. Pertamanya, boleh Ustaz cerita sedikit sebanyak tentang latar belakang Ustaz, nama semuanya?

UHA : Baik. Saya nama Haji Ahmad Bin Haji Ali, penjaga pondok Pengkalan Machang Tok Uban ini. Pengkalan Machang sini dekat Danau Tok Uban, tetapi bila dekat, nama kampung kecil Pengkalan Machang, Tok Uban, Machang *pokok*(menerangkan bahawa Machang adalah merupakan nama pokok). Pondok ini pondok Pengkalan Machang ini diasas oleh orang tua saya, nama Haji Ali Bin Haji Saleh pada tahun seribu-sembilan-ratus-empat-puluh (1940). Kemudian, setelah orang tua saya meninggal, saya sebagai ganti mengawasi pondok ini (ayam berkokok). Menjaga pondok ini. Yang ini daripada peninggalan orang tua saya. Tinggal lah saya jadi penjaga ataupun pengawal pondok ini. Saya didikan lah, pelajaran saya pada masa saya kecil belajar *pada*[daripada] orang tua saya lah. Belajar daripada Almarhum Haji Ali Bin Haji Saleh di pondok *sinilah* [Pondok Pengkalan Machang]. Kemudian daripada ke tahun lima-puluh-tiga (1953) hingga tahun enam-puluh (1960) saya belajar di Madrasah Pondok Payung, Kota Bharu tahun enam-puluh (1960) selepas pada

itu, tahun enam-puluh-satu (1961) sampai enam-puluh (1960) - masuk periksa, peperiksaan untuk menjadi guru agama kerajaan, mengambil peperiksaan khas yang diadakan oleh *kerajaan negeri masa itu*. [Kerajaan Pas Negeri Kelantan]. Kerajaan Pas masa itu. Jadi setelah saya lulus *peperiksaan khas* [peperiksaan untuk menjadi guru agama], jadi saya dipanggil temuduga untuk menjawat jawatan guru agama kerajaan di *sekolah kebangsaan*. [Sekolah Kebangsaan Kedondong, Pasir Mas, Kelantan]. Saya pun boleh mengajar di sekolah kebangsaan bermula tahun enam-puluh-dua (1962) saya mula mengajar di sekolah mula-mula, Sekolah Kebangsaan Kedondong, Pasir Mas. Bermula tahun enam-puluh-dua (1962) sampai enam-puluh-lima (1965). Kemudian berpindah kepada Sekolah Kebangsaan Tok Uban ini, Sekolah Rendah Kebangsaan Tok Uban tahun enam-puluh-lima (1965) sampai tujuh-puluh-lima (1975). Sejak tujuh-puluh-lima (1975) saya berpindah mengajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Pauh, Pasir Mas juga hingga tahun seribu-sembilan-ratus-sembilan-puluh-lima (1995). Umur saya masa itu, lima-puluh- lima (55) (ketawa kecil). *Pencen masa dulu tahun lima puluh lima (55) tidak sebelum ini enam puluh (60)* [merujuk kepada pencen guru telah berubah daripada umur *lima puluh lima (55)* tahun kepada *enam-puluh (60)* tahun]. Pencen wajib masa saya itu umur lima-puluh-lima (55). Jadi, *sekarang* [merujuk pada tahun 2016], masih dalam pencen (ketawa kecil). Bermula pada tahun sembilan-puluh-lima (1995) sampai sekarang masih pencen lagi itu. Itulah, saya sekarang mengajar di *Madrasah pondok* [sebuah tempat untuk mengajar dan mempelajari mengenai agama



Islam] di *masjid ini* [Masjid Mini Kampung Tok Uban] di pondok Machang, tiap-tiap hari. Kemudian, pada petang, *petang Khamis* [selepas solat Asar] saya mengajar di Masjid Casi dan Teluk Sawa. Dua tempat gilir-gilir -- petang Jumaat saya mengajar di Masjid Mukim Kedepan Tok Uban -- depan, gelar orang panggil. Petang Sabtu di Madrasah Kampung Chad ini lah Kampung Tok Uban. Begitulah, tiap-tiap minggu, macam inilah kerja saya. *Tiada lain pada itu saya rehat* [pada hari selain pada hari mengajar, beliau akan berehat di rumahnya] -- begitulah.

**NH : Berapa umur ustaz sekarang?**

UHA : Umur saya tahun seribu-sembilan-ratus-empat-puluh (1940) mula beranak hingga ini tujuh-puluh-enam (76) lah, enam (6) tahun. Cuba kiralah (ketawa kecil) -- tahun sembilan-belas-empat-puluh (1940) saya *lahir* [dilahirkan].

**NH : Ustaz dilahirkan dimana?**

UHA : (kurang mendengar soalan)

**NH : Ustaz dilahirkan dimana?**

UHA : Lahir kampung Tok Udat ini, dekat sana. Lahir Kampung Tok Udat, Kampung Kangkung disini Tok Uban. Disana Tok *Seme* [Tok Seman]. Daerah Kangkung juga lah. Saya membesar di sinilah. Begitulah.

**NH : Nama isteri ustaz?**

**UHA :** Isteri saya, saya sudah (ketawa kecil) sudah dua isteri. Isteri pertama sudah meninggal. Yang pertama dah meninggal (ayam berkokok). Nama, *Aisyah Binti Haji Sulaiman* [merujuk kepada nama isteri pertama yang sudah meninggal dunia] dapat anak seorang -- laki-laki. Kemudian isteri kedua (2), nama Hajah Salma binti Che Amit -- yang inilah *hok* [yang] sekarang. *Hok* [Yang] sekarang lah *anaknya dengan dia* [jumlah anak dengan isteri kedua] dapat tiga belas (13) -- ha tiga-belas (13) meninggal tiga (3) masih ada sepuluh (10) orang (mengiyakan). Sepuluh (10) orang itu *tiada lah* [tidak tinggal bersamanya]. Besar belaka semua. Orang kata berumur belaka dah, kerja belaka.

**NH : Yang pertama umur berapa?**

**UHA :** (Ayam berkokok) Umur anak ini? *Hok* [Yang] sulung -

**NH : Ya, anak sulung.**

**UHA :** *Tak* [Tidak] ingat *hat* (yang) itu. Bukan lima-puluh (50). *Hok* [Yang] sulung (ayam berkokok), *hok* [yang] sulung lima-puluh (50) (berfikir). Yang kedua ini empat-puluh-lapan (48) macam itu lah -- macam begitu.

**NH : Ustaz berasal dari Kampung Tok Uban ini atau ayah ustaz datang kat sini?**

**UHA :** *Ha* [Ya], ayah -

**NH : Mengiyakan.**

**UHA :** Saya lahir ayah datang sini pindah sini jugaklah -- *datang dari sini. Kecillah* [datang ke Tok Uban semasa masih kecil] -- begitu. Lepas itu?(bunyi selakan kertas). Nak tahu kerja anak tidak?(ketawa kecil). Pada *hok*[yang] *dulu* [merujuk kepada anak sulung] itu kerja tiada , kerja jaga sahaja, *jaga sekolah* [pegawai keselamatan sekolah]. Yang kedua, Pengurus Ladang Sawit Kesedar, Gua Musang. Yang ketiga(3), kerja di Jabatan Perdana Menteri di P-T-D [Pegawai Tadbir Diplomatik], Jabatan Perdana Menteri -- yang ketiga (3). Ketua Pakar Keluarga di U-S-M Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, yang keempat(4), perempuan lah -- Tidak kerja surirumah, suaminya Panglima Askar Jeneral (ketawa kecil) Muhamad Marzuki. Suaminya, menantu saya. Yang itu keempat(4), perempuan (berfikir) yang keempat(4) perempuan juga, nama (ayam berkokok) nama, tidak tahu *oyak* [beritahu]. Nama (ketawa kecil), nama *Saprok* [Safura] tadi *hok* [yang] itu, *hok* [yang] surirumah nama *Saprok* [Safura]. Yang adik kepada nama Safura , guru Inggeris sekolah rendah (ayam berkokok). Lepas itu, Balkis, (ketawa kecil) guru biasalah, guru juga lah tapi guru bahagian sejarah, yang ketiga(3) perempuan (ayam berkokok) guru juga, j-QAF [Jawi Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain] (ketawa kecil). Yang keempat (4) kepada j-QAF [Jawi Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain] yang ini perempuan, empat-empat (4) orang itu guru *belako* [semua], j-QAF [Jawi Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain], dua (ayam berkokok) Inggeris, satu Sejarah. Perempuan lima(5) seorang yang tidak bekerja, jadi surirumah jadi isteri kepada Panglima

tadi ini. Lepas itu, *hok*[yang] laki-laki (berfikir) apa tadi? Nama Zair -- Uzzair (ketawa kecil) jadi *engineer*[jurutera] komputer di Kuala Lumpur ini. Syarikatnya tidak kerajaan, kerja syarikat baginya *engineer*[jurutera] komputer ijazah *gotu*[benda itu] [Ijazah Sains Komputer], *kemudian daripada dia* [selepas Uzzair] itu nama Mohd Amin. Tidak kerja, belajar di Sekolah Kebangsaan Tok Uban. Dia habis *u* [universiti] apa? – UUM [Universiti Utara Malaysia] , tidak kerja lagilah baru habis setahun. Setahun habis U-U-M [Universiti Utara Malaysia]. Masih tidak kerjalah, sedang mengajar di sekolah di Sekolah Kebangsaan Tok Uban lah ini. Tidak *kelik* [balik] lagi mengajar (ketawa kecil). Itulah, *hok* [yang] seorang itu (berfikir) *tiada sudah*[telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya]. Isteri saya tidak kerjalah. Isteri saya, Cik Salma itu surirumah -- yang *oyak* (beritahu) tadi .Lagi apa lagi?

NH : Lepas itu, *kitorang* (kami) akan alih cerita kepada Tok Uban itu, ok.

UHA : (Mengiyakan)

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG TOK UBAN

NH : (Mikrofon dialih) **Macam mana ustaz boleh tahu mengenai Tok Uban ini?**

*Ha [Ya] ok.*

UHA : (Membetulkan mikrofon) saya dapat tahu mengenai Tok Uban ini daripada zuriat dia lah(berfikir) yang katanya zuriat Tok Uban ini, berasal dari Bok , Kampung Bok, Kuala Krai itu daripada sana datang ke Tok Uban sebagai ketua peneroka(bunyi motosikal) ketua peneroka tanah Tok Uban ini lah , nama Tok Uban ini Sulaiman(bunyi motosikal) bin tak tahu tak tahu lah(ketawa kecil ) Isterinya nama , isteri dia nama orang panggil Tok Ketot, nama dia Tok Ketot , (ketawa kecil) kalau benda orang tidak comel nama isteri dia Tok Ketot(bunyi burung). Anak-anak Tok Uban, anak dia -- (berfikir) Muhamad (ayam berkokok), nama Muhamad, Dollah, Dotan, Muhamad, anak Muhamad itu pula nama Awang Besar anak Muhamad tadi, *Muhamad anak sulong*, [Muhamad merupakan anak sulung kepada Tok Uban]. Lepas itu, anak Muhamad itu nama Awang Besar. Anak Awang Besar tu nama Haji Derasah (ayam berkokok). Anak Haji Derasah nama Haji Ismail. Tok Imam dulu, Tok Imam sini, Tok Haji Ismail, anak Haji Ismail itu Cikgu Haji Abdul Rahman *tiada dah* [meninggal dunia] juga (ayam berkokok). Kemudian anak Haji Abdul Rahman itu banyaklah Nik Zainal, Nik Nobi, Nik Nani banyak anak-anak. Begitulah, jadi ertinya Nik Zainal Atau Nik Nobi, Nik Nani ini( ayam berkokok) *benih* [keturunan] Tok Uban lah sebab ayah laki-laki belaka itu Tok Uban, Muhammad, Awang Besar, Haji Derasah, (ayam berkokok) Haji Ismail, Cikgu

Abdul Rahman -- jadi dia *bertali* [berhubungan] ikut laki-laki ikut *alik* [sebelah] bapa jadi *benih* [keturunan] dia lah -- dan anak *Tok Uban yang kedua* [anak Tok Uban yang kedua], Dollah tadi anak dia, Mahmud nama lepas itu, Mahmud itu, anak Mahmud nama Awang Kampung (berfikir) anak Awang Kampung itu bernama Ismail nama Ismail itu nama Rahmah masih ada Rahmah itu, tiada setakat itu lah *hok* [yang] Dollah anak dia, yang ketiga nama Dotan tadi saya pun tak tahu lah, keturunan Dotan itu saya tak tahu tak dapat -- begitulah, itulah Tok Uban tadi setakat *alah* [perkara] begini boleh, *alah* [perkara] ke atas tidak tahu juga. Tok Uban itu bin apa, apa *alik* [sebelah] ke bawah boleh lah cerita (bunyi mikrofon) zuriat dia *oyak* [beritahu] Muhammad -

**NH : Ustaz, ustaz tahu mengenai Tok Uban ni semasa umur berapa?**

UHA (Berfikir) umur tua dah (berfikir) umur empat-puluh(40) tahun. Sekarang tujuh-puluh-enam-tahun(76) lah. Sekarang umur saya tujuh-puluh-ena (76) saya tahu dapat tahu lebih kurang umur empat-puluh(40). Begitulah. Daripada zuriat dia lah anak cucu dia lah nama mati dah nama Haji Hassan, itu cicit dia cicit Tok Uban (ayam berkokok) saya tulis ini, yang *saya saja tulis* [cerita mengenai Tok Uban ditulis didalam diari] lah begitulah tidak boleh *oyak* [beritahu] Tok Uban hal Tok Uban tak boleh *oyak* [beritahu] tapi yang saya tahu Ketua Peneroka. Dia datang daripada bot tadi dan dialah jugak Ketua Kampung, ketua puak-puak dia. Kubur dia ada kubur Tok Uban ini, -- kubur dia pada kubur Tok Uban itu ada bangunan lah buat bangunan saya rasa (ayam berkokok) *hok* [yang] nama Zainal

itu buat bangunan (ayam berkokok) *pasal orang mari cari memang tiada* [kerana apabila orang datang susah untuk melihat Kubur Tok Uban] jadi dia buat bangunan. Begitulah. lepas itu, apa lagi?

**NH** : (Ayam berkokok) ramai tidak yang tahu mengenai Tok Uban ini?

**UHA** : Tiada yang tahu saya rasa tiada. Ini pun saya sebab (ketawa kecil) pergi tanya Tok Imam pun Tok Imam suruh mari tanya saya -- tiada orang tahu -- anak cucu dia pun hok la (ayam berkokok) tidak tahu dah -- *hok* [yang] *baru ni* [keturunan Tok Uban yang masih wujud]. Tadi *hok* [yang] lama sudah mati. Dia yang tahunya. Jadi tiada orang tahu sudah -- sebab orang dulu dia *tak caro* [tidak ambil kisah] saya sebab saja-saja (ayam berkokok) orang kata ganas lah (mengalih mikrofon) nak lagi? -- Tiada dah. Saya tiada pengetahuan juga.

**NH** : **Macamana dia boleh dapat nama Tok Uban itu?**

**UHA** : Haa sebab dia, ikut ceritanya dipanggil Tok Uban walau nama dia Sulaiman *deh* [ya] ada orang gelar Tok Uban tu kerana mengikut ceritanya, bulu dia bulu roma ni berbulu ditubuh dia ni beruban masa kecil lagi -- uban dari sejak kecil sampai tua lah uban *sokmo* [sentiasa], bulu roma dia, tengok kita kan muda hitam, macam saya putih dah tua, uban, (ketawa kecil) ini tidak, sejak kecil lagi bulu roma dia putih jadi sebab itu panggil Tok Uban, jadi mengikut cerita begitu. Uban-uban itu putih (ketawa kecil) jadi kerana bulu roma putih jadi orang panggil Tok Uban dia. Begitu. Kata setengah tidak begitu, kata setengah

panggil Tok Uban pasal dia banyak umur, banyak peringkat, jadi Tok tua jadi orang panggil Tok Uban, Tok Uban orang kata begitu.pasal dia tok banyak lapis pasal dianya panjang umur jadi dua tiga orang dah jadi datuk kepada budak-budak lah jadi hok paling tua dialah (ketawa kecil) panggil Tok Uban, Tok yang tua sekali. Ada pendapat kata begitulah, tapi lebih tepat saya rasa *hok satni*[yang sebelum ini] bulu roma dia putih lah putih sejak kecil lagi kalau tidak orang panggil Tok Uban tok ganjil Tok Uban itu.

**NH : Yang ustaz tanya itu dia cerita tidak peribadi Tok Uban ini macam mana?**

**UHA : Peribadi Tok Uban ini selain dari tok ketua dia tok bomoh.**

**NH : Ada ilmu-ilmu -**

**UHA : Ada ilmu-ilmu. Mengikut cerita, dekat kubur itu dia tebang pokok cengal, pokok cengal besar pokok kayu keras cengal ini, mengikut cerita tebang pokok ini tidak terbalik tidak tumbang lah seminggu pasal orang *hok*[yang] -**

**NH : Selepas kematian -**

**UHA : Tidak mati. Masa itu dia masih ada lagi -- seminggu tidak terbalik putus dah tidak terbalik kerana ada hantu (ketawa) ada orang pegang. Tidak terbalik, ada orang pegang putus sudah tidak terbalik tapi kerana dia tok bomoh jadi dia alih itu alih pokok cengal, *pokok cengal besar tempat orang alih duduk*[hantu yang tinggal di pokok cengal marah kerana mengalih tempatnya], marah orang**



tebang, walaupun putus tidak terbalik -- kerana dia bomoh dia doa-doa kan *jala*[sahaja] terbalik lah bila orang kalah lari takut, dia terbalik. Jadi begitulah, alih-alih tebang menunggu -- Hebat namanya.

**NH : Ustaz rasa dia anak seorang sahaja kepada ayah atau ada adik beradik?**

**UHA :** Tak tahu, tidak boleh cakap tidak tahu. Ayah dia pun saya tidak tahu nama. Zuriat dia saya tanya tidak tahu nama *gapo* [apa] cuma dia bagi tahu *bini*[isteri] Tok Uban nama Tok Ketot itu sahaja. Ayah Tok Uban tidak tahu bin *gapo*[apa]. Tapi terkenal orang panggil Tok Uban lah -- jadi Kampung Tok Uban ambil sempena nama dia Kampung Tok Uban.

**NH : Keturunan tok uban masih di kampung atau sudah berpindah?**

**UHA :** Tadilah yang duduk Tok Bok tadi, Jalan Kuala Krai (Kelantan).

**NH : Semua ada situ -**

**UHA :** Jalan Kuala Krai itu -

**NH : Daripada cerita itu, cucu dia -- ustaz tengok cucu dia ada tidak mewarisi dia punya perangai yang ada pada Tok Uban, contohnya dia jadi bomoh ke?**

**UHA :** Tiada. Zuriat dia berpelajaran - orang bijak.

**NH : Oh, yang berpelajaran -**

**UHA :** Ya, pelajaran yang apa tadi yang kot tapa kot Mamat tadi kot Zainab tadi. *Hok*[Yang] kanak sulong itu boleh kata orang pelajaran lah. Setakat saya tahu lah orang berpelajaran orang dahulu tidak juga tapi yang baru ni, Haji Abdul Rahman anak dia orang bijak pelajaran. Cuma dia sampai tiga(3), empat(4), dia ramai dulu Nik Nobi mengajar tusyen inggeris. Jadi Nobi Nik Zainal Ini yang keenam(6) selepas Tok Uban, yang keenam(6). Tapi ada kata empat-lima-ratus(400-500) tahun sudah lah kalau kita *buh* (letak) seratus(100) seorang enam-ratus(600) kita kira tak sampai seratus(100) orang dulu kira lima-ratus (500) tahun sudah sampai Tok Uban ke sekarang.

**NH : Kampung ini wujud -**

**UHA :** Mengiyakan.

**NH : Ustaz cakap dia macam jadi bomoh kan, ustaz rasa macam berguru kepada siapa macam orang dulu dia berguru dari siapa?**

**UHA :** Bomoh tu?

**NH : Ya, macam selalunya dia pergi menuntut ilmu sendiri ke ?**

**UHA :** Tidak tahulah (ketawa kecil) tidak ingat lama sudah saya nak *oyak* [beritahu] tidak boleh tentulah dia belajar jadi Tok Bomoh.

NH : Mesti ada guru dia -

UHA : Mesti ada, cuma tidak tahu mana dia berguru saya tidak tahulah tapi tetap dia bomoh lah.

NH : Tok uban, memang dia meninggal dunia dekat sini?

UHA : *Ho* [Ya] Tok Uban, kubur depan Tok Uban tu -

NH : Lepas Tok Uban meninggal kan, selain daripada ustaz cerita yang ada pokok itu, ada perkara pelik tidak yang jadi?

UHA : Tiada benda lain tiada dah.benda peliklain tiada *oyak* [beritahu] sudah. Tiada orng cerita.Memang ada benda pelik tidak tahulah saya.

NH : Ok, lepas itu, tok itu seorang yang berpengaruh kan ?

UHA : Memang.

NH : Lepas dia meninggal itu, macam ada orang tidak macam pergi dia punya kubur untuk pemujaan?

UHA : (Ketawa kecil) dulu ada masa dulu lah sebelum pada ini ada orang panggil, panji, bendera kecil pergi *cacak*[letak] atas kubur dia. Bendera kecil, panji bawak sukan kan lepas selain pada itu, lepas itu *bah* [banjir], dua-ribu-enam(2006) *bah*[banjir] merah, *bah*[banjir] besar Kelantan ini, seribu-seratus-dua- puluh-enam (1126), pada masa itu, air tenggelam kebanyakan tempat

tenggelam, yang tidak tenggelam, kubur Tok Uban dia tinggi jadi tidak tenggelam. Kata orang *tambat*[mengikat] kerbau di kawasan kubur dia lah, kerbau itu (melakonan bunyi kerbau) *mapuh* [mati]. Rebah *mapuh*[mati] (ketawa kecil). Jadi dia marah *tambat* [mengikat] atas kubur Tok Uban (ketawa kecil) jadi -

**NH : Selepas dia mati dia ada kuasa?**

UHA : Adalah, kira ada lah, sudah orang *tambat*[mengikat] kerbau atas kubur dia itu *mapuh*[mati] kerbau itu, tiada sakit *gapo*[apa] kerbau dia buat (melakonan bunyi kerbau) rebah *mapuh*[mati] (ketawa kecil). Begitu (berfikir). Begitulah panggil keramat dia, keramat Tok Uban, *bubuh*[letak] panjang dulu lah tiada dah dulu dia bomoh *buh*[letak] panji.

**NH : Ustaz rasa *diorang* [mereka] hendak panggil Tok Uban itu ke *diorang* [mereka] macam hendak puja untuk dapatkan kuasa ke macam mana?**

UHA : Mana? Dia pergi tu? Dia ambk ambik apa itu , dia ambil sempena tu dengan sempena Tok Uban lah, dia buat puja Tok uban itu ambik sempena nilah (ketawa kecil) kelebihan Tok Uban, Tok Uban lah benda yang dia hendak itu dia minta di kubur Tok Uban kerana ambil sempena kelebihan Tok Uban begitulah. Tapi tidak boleh lah benda itu syirik (ketawa kecil) sebab itu lah (sekarang) tiada dah (bunyi helaian kertas disemak) --

**NH : Tok uban, dia kahwin waktu bila, ada isteri semua?**

UHA : Eh tak tahulah lama sudah , (ketawa kecil) dengan Tok Ketot sahaja lah (ketawa kecil) tidak tahu bila, lama sudah tarikh dia *mati*[meninggal dunia], datang tidak tahu, cuma pergi ke zuriat dia ada lah lima-ratus(500) tahun sebab dia keenam(6) zuriat yang keenam(6).

NH : **Generasi keenam --**

UHA : Generasi keenam(6), jadi kalau kita *buh*[kira] seratus(100), seratus(100) tahun enam-ratus(600), kita kira tidak sampai enam-ratus(600) lah, jadi tolak tolak gitu, *adjust-adjust* [diperbetulkan] baki lima-ratus(500) tahun lebih kurang, tidak tahu tahun berapa.

NH : **Umur berapa Tok Uban itu meninggal dunia?**

UHA : Eh tidak tahu.

NH : **Tapi dia sudah tua sudah lah?**

UHA : Eh tua lah. Sakit tua.

NH : **Selepas itu, selepas dia meninggal itu, ramai lagi tidak yang duk [masih] pergi berkunjung dia punya tanah kubur? Ada tidak lagi orang, seingat Tok?**

UHA : Tak tahu lah. Setakat saya ingat ada lah. Setakat saya ingat ada tetapi sekarang

tidak ada sudah. Dahulu, \_ \_ \_ \_ sekarang tidak tahu lah. Dahulu benar (bunyi berdecip).

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: PERJALANAN HIDUP TOK UBAN

**NH** : Kita nak alih kepada topik kedua, perjalanan hidup Tok Uban. Ustaz, Ustaz dia datang kesini Ustaz rasa sebab dia ada tertarik dengan kawasan ini *ke* [ataupun] macam mana?

**UHA** Memang begitu lah dia. Dia pilih Tok Uban, dia nampak disini subur lah. Tok Uban nampak kawasan Tok Uban ini subur. Selepas itu daripada perjalanan dia itu dia berhenti disini. Daripada bot dia berjalan *mari*[datang] sampai ke Tok Uban, dia berhenti -.

**NH** Datang dari ada yang tasik itu lah?

**UHA** Dia *mari*[datang] selepas itu dia berhenti. Mungkin, pada pendapat dia tanah Tok Uban, tanah subur lah. Tanah subur untuk tanaman. Maknanya dia jadikan peneroka, dia teroka disini. Dia teroka tanah disini.

**NH** Datang, Tok Uban datang sini, apa yang dia buat benda utama yang ada dekat [di] sini ya?

**UHA** Membuka tanah lah. Membuka tanah, tebang pokok-pokok, buat buka tanah padi, tebang pokok, tanam padi *gitu*[sebegitu] lah. Dulu tidak ada getah. Tanam pokok-pokok makanan, buah-buah sahaja. Tanam padi dahulu. Pokok getah tidak ada. Masa itu tidak ada lagi getah. Tidak ada benda baru. Asal pokok-pokok tanaman - durian *gapo* [apa-apa] itu lah.

**NH** Macam yang Ustaz cakap dia peneroka, mungkin dia daripada keluarga yang berada macam itu mungkin?

**UHA** Tidak lah. Tidak berada benar. Kalau berada benar *tok sey* [tidak perlu] teroka sudah. Mungkin dia tidak kaya lah. Bererti cari tanah itu kerana perlu pada tanah lah.

**NH** Ustaz rasa apa yang kelainan yang ada dekat kampung Tok Uban ini yang tempat lain tidak ada?

**UHA** Tidak ada kelainan mana (ketawa kecil). Lebih kurang macam disini. Tok Uban pun tanah datar jugak. Tidak berbukit. Tok Uban tidak bukit-bukit. Tidak ada. Tanah biasa, tanah datar sahaja. Serupa tempat lain lah. Cuma mungkin subur lah berbanding dengan tempat lain. Subur Tok Uban.

**NH** Tok Uban itu dia datang, dia datang seorang diri ke dia dengan pekerja

**dia?**

UHA Rombongan sebab itu dia panggil ketua pene -.

NH **Dia mungkin dia ada syarikat dia?**

UHA Ketua peneroka, dia rombongan lah. Rombongan lah.

EF **Datang dengan orang kampung lama dia lah?**

UHA Ha?

EF **Dengan orang kampung lama dia lah dia datang?**

UHA (Mendengus) Orang kampung? Tidak ada orang lagi sini. Masa dia mari itu tidak ada orang. Masa itu Cherang, Cherang. Bukit lah semasa dia *mari*[datang] itu tidak ada orang duduk lagi. Tidak ada orang duduk. Setelah dia *mari*[datang] lah baru orang -- dia, *puak*[kumpulan] dia ada. Orang luar pun menumpang lah. Bila dia ada kawan kan, *mari*[datang] sepakat duduk lah. Sebelum ini tidak ada.

NH **Selalu kalau macam itu mesti umur waktu muda lagi lah yang datang?**

UHA (Tidak bersetuju) Tidak. Orang tua-tua sudah. Orang tua tua yang *mari* [datang] itu. Orang tua-tua masa dia kuat lagi lah.

NH **Selepas Tok Uban buka tempat itu dia memang terus duduk sini atau pun dia pergi cari tempat lain ke --?**



UHA Tidak ada. Setahu saya dia duduk sini tempat dia Kampung Alor dalam ini.  
Tidak ada.

NH **Mungkin rumah dia lah pertama yang ada *dekat* [di] sini?**

UHA Itu lah rumah dia. Masa itu sini orang kata dalam bukit lah. Cuma tidak ada bukit tapi hutan, hutan. *Pasal* [disebabkan] tidak ada orang, jadi memang tidak ada orang lagi lah. Setakat ini baru orang ada (ayam berkokok).

NH **Apa - Tok Uban ini dia memang kampung ini sahaja ke, dia ada macam daerah lain yang termasuk dalam daerah Tok Uban?**

UHA Tok Uban itu kampung besar. Pecahan itu banyak lah. Tok Uban, selepas itu -

NH **Boleh Ustaz cerita pecahan dia. Pecahan yang Ustaz tahu lah.**

UHA Satu nya Pengkalan Machang. Sini lah, Pengkalan Machang. Satu nya, Sila. Sila, selepas itu Rasal. Selepas ke Rasal -- Mok Kalut *alik* [sebelah] ini (sambil menunjuk ke satu arah) -- selepas itu Serawa. Itu daun Serawa. Pokok lah maknanya itu. Kerana pokok itu orang panggil Serawa. Itu lah, apa dia, kampung di sekitar Tok Uban ini lah. Bila jauh dia dipanggil Tok Uban belaka lah. Bila sampai *dekat* [di], pecah lah. Pengkalan Machang, Rasal, Sila, Mok Kalut, ada Serawa, Bechah Kida. Bechah Kida itu pecahan kampung Tok Uban lah. -- Yang Tok Uban ini mukim ya, bukan daerah. Bukan, bukan apa ini, bukan -.

**NH** Kiranya kampung ini bukan la satu-satu nya tempat yang dia buka, dia membuka daerah?

**UHA** Iya lah, tidak daerah lah. Sini kampung. Kampung ini. Daerah ini penggawa. Seorang penggawa, daerah Kangkung. Daerah Kangkung sini. Duduk bawah Kangkung Tok Uban ini. Sekarang Tok Uban itu nama mukim. Daerah Tok Imam lah. Di Tok Uban ini ada seorang imam. Imam dipanggil mukim seorang Tok Imam. Dia bagi satu mukim daerah itu seorang penggawa. Kalau sebelah luar dia panggil daerah \_\_\_. Tidak di Kelantan itu tidak. Itu dia panggil jajahan, istilah Kelantan.

**NH** Maksudnya, dia, Tok Uban ini banyak pekerjaan lah? Dia macam peneroka, selepas itu bila dia tua dia jadi bomoh, tok imam dan banyak lah.

**UHA** Dia orang berkebolehan daripada orang lain lah. Dia berkebolehan daripada orang lain lah.

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: PERJUANGAN TOK UBAN**

**NH** Ok, seterusnya perjuangan Tok Uban -- perjuangan Tok Uban.

**UHA** Tidak ada Tok Uban -.

**NH Tok datang sini dia memang sebenarnya suka meneroka ke dia datang memang nak mencari ilmu atau pun dia memang nak bekerja?**

**UHA Bekerja. Sebab dia sini tidak ada - tidak ada orang. Tidak ada guru lagi masa itu. Sini guru agama tidak ada. Masa dia *mari* [datang] dia cari, buat harta lah. Dia *mari* [datang] ke Tok Uban ini kerana nak buat harta, nak tanah, bukan nak belajar bukan nak apa.**

**NH Selepas itu, yang Ustaz cakap kan dia orang pertama jadi dia datang kampung ini masih hutan belaka?**

**UHA Hutan belantara.**

**NH Dia dengan pasukan dia?**

**UHA Dia dengan puak dia buka tebang-tebang, jadi kampung lah. Mula atas bukit lah, dalam hutan lah. Kerana usaha mereka jadi lah kampung, kampung Tok Uban.**

**NH Selalunya kalau macam orang yang tahu bab bomoh ini selalunya tahu mengenai persilatan -- ada cerita tidak yang Tok Uban itu tahu silat ke apa ke? (ayam berkokok)**

**UHA Tidak ada cerita. Saya tidak tahu. Tidak ada orang cerita lah. Tidak ada orang \_\_. Berita ini pun dari orang kemudian juga. Saya ambil dari orang kemudian. Dia bukan daripada – tidak bertali dari Tok Uban lah. Peristiwa lama orang tidak**

tahu juga (ketawa kecil). Kecuali berita ambil daripada orang *hok* [yang] semasa Tok Uban yang boleh *oyak* [cerita].

**NH** Ustaz rasa kalau macam dia datang dengan pengikut dia itu, berapa ramai ya?

**UHA** Tidak tahu juga (ketawa kecil dan bunyi ayam berkokok). Biasanya rombongan ini ramai jugak lah tapi tidak dapat dipastikan bilangan itu tidak boleh, tidak tahu lah.

**NH** Masa Tok Uban datang sini, dia ada tidak kesusahan yang dia alami untuk buka tempat ini mungkin ada macam gangguan ke nak buka bagi tidak buka tempat ini?

**UHA** Tidak ada gangguan sebab tidak ada orang lagi. *Kan* [bukan] tidak ada orang lagi. Masa dulu -- tanah ini sebegitu-sebegitu. Sepakat tebas *gitu* [sebegitu] sahaja la. Tidak *\_*. Tidak ada aturan lagi. Tidak ada. Tidak ada peraturan lagi lah *bab* [mengenai] tanah, pakat buka sahaja, tebas-tebas tanaman. Peraturan tanah *setakat* [timbul ketika] orang putih *mari* [datang] jajah sahaja. Peraturan nya dahulu tidak ada. Tanah boleh ditebas *gitu* [sebegitu] sahaja (ketawa kecil).

**NH** Ustaz rasa apa kelayakan Tok Uban yang buat dia macam sangat dikenali waktu itu? Apa yang dia punya, dia mungkin dia disiplin ke dia hebat daripada keluarga dia ke generasi dia?

UHA        Sekarang ini *pasal* [sebab] dia mempunyai kelebihan. Bomoh pun dia. Jadi usaha dia itu daripada asal dia jadi ketua sudah. Daripada sana pun, *mari* [datang] sini dia sudah jadi ketua jadi itu lah duduk sini pun *hok* [yang] dia juga lah orang sanjung lah, orang hormat sebab dia ketua lah. Tentu ketua ada kelebihan kalau tidak, tidak boleh jadi ketua. Bijak ke, kuat ke macam macam lah. Memang dia kuat lah. Ilmu dia banyak lah. Dia, ilmu dunia ini -- hebat lah orang takut *ke* [terhadap] dia. Orang tidak buat itu lah dengan dia, orang takut.

NH        **Maksud Ustaz yang dia jadi bomoh itu bomoh untuk merawat atau pun yang bomoh mistik?**

UHA        Boleh belaka lah. Segala apa dia. Segala benda berlaku itu orang jumpa dia lah. Orang bertumpu pada dia. Orang sakit ke atau -- orang kata hantu ke. Cari dia belaka lah, dia boleh.

NH        **Maksud nya dia memang benar-benar boleh merawat orang?**

UHA        Bomoh --. Serba-serbi lah. Penawar pun dulu ada penawar. Asah akar-akar kayu sahaja. Bomoh dulu sebegitu lah. Dia boleh belaka lah, kelebihan dia.

NH        **Mesti ramai lah yang mesti pergi jumpa dia untuk dapatkan -- mungkin satu kampung pergi berjumpa dia untuk dapat rawatan?**

UHA        Iya lah. Masa itu tidak ada orang lain la. Orang sini orang *hok* [yang] *puak* [kumpulan] dia. Orang lain tidak ada lagi. Selepas itu segala hajat orang,

keperluan orang, orang jumpa dia lah. Orang jumpa dia, *gitu* [sebegitu] lah.

**EF**      **Ada tidak yang mewarisi dia punya - pengikut-pengikut dia yang mewarisi dia punya kehebatan bomoh itu, merawat orang?**

**UHA**      Tidak ada.

**NH**      **Dia tidak turunkan *dekat* [kepada] pengikut dia?**

**UHA**      Tidak ada. Masalah tidak ada timbul lah. Kalau ada pun sudah meninggal juga orang itu. Tidak tahu lah. Setakat *hok* [yang] saya tahu dia tidak ada yang jadi bomoh lah. Bab *dekat* [di] pelajaran ada, bab *ke* [mengenai] bomoh tidak ada.

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

#### **BAHAGIAN 5: KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN TOK UBAN**

**NH**      **Ok kita akan ke topik terakhir, kejayaan dan pencapaian Tok Uban. Ada -- Ustaz boleh cerita tidak yang tasik. Tasik itu dia ada kena mengena dengan Tok Uban tidak terjadinya tasik itu?**

**UHA**      Tasik mana?

**NH**      **Tasik Danau Tok Uban.**

**UHA**      Oh tidak ada. Tidak ada. Dia baru *ja* [sahaja]. Danau ini baru setakat orang buat

*gate* [pagar – untuk menakung air sungai] ini *ja* [sahaja]. Orang ambil sempena nama dia *ja* [sahaja]. Letak nama Danau Tok Uban itu nak suruh *dekat* [*sama*] dengan Danau Toba, Indonesia itu sahaja. Pengasas itu. *Dekat* [di] Indonesia, dia ada Danau Toba *dok* [tidak]? Jadi dia nak serupa *dekat* [dengan] Danau Tok Uban kan. Begitu. Baru *ja* [sahaja] itu. Baru benar. Tidak ada, tidak ada. Dia ambil sempena nama dia. Masyur kan? Masyur nama dia masyur. Yang ini tidak nama Danau Tok Uban suruh. Masyur *ja* [sahaja]. Tidak ada hubungan dia. Danau itu baru *ja* [sahaja]. Mula, tidak ada air. Setakat buat *gate* [pagar] *ja* [sahaja] dulu. Dia buat *gate* [pagar] itu tempat empangan ini, dia menyimpan air jadi tanah belah atas itu *selam* [tenggelam] air. Jadi danau. Mula tidak ada danau. Selepas itu buat padi. Selepas itu *selam* [tenggelam], jadi danau lah. Danau Tok Uban ini.

NH **Tasik itu tasik buatan manusia lah?**

UHA Manusia lah. Baru sahaja, setakat buat *gate* [pagar] ini. Buat *gate* [pagar] tahan air.

NH **Ada yang cerita cakap dia jadi sebab banjir tapi tidak lah, sebab buatan manusia lah?**

UHA Tidak lah. Ini kita kata dulu situ tidak air, darat lah. Cuma tanah rendah. Bila buat *gate* [pagar] sini, air berhimpun lah. Air tidak boleh turun. Air naik sana *selam* [tenggelam] *dekat* [di] atas itu. Dekat Danau itu lah, *selam* [tenggelam]

air. Jadi air tidak kering selepas kena itu. Ini kalau air kering itu, dia jadi danau lah. Kalau tidak, tidak ada danau setakat orang buat *gate* [pagar] itu, sudah air berhimpun jadi danau lah. Jadi baru lah, tidak lama benar. Setakat parit air, tidak berkait dengan dia. Cuma orang ambil -- nama dia ambil pada kebesaran dia pasal dia usaha kan, orang ambil danau itu, Danau Tok Uban kerana masyur dia. Tidak ada berkait dengan dia.

**NH** **Selain dari kampung ini, yang Ustaz tahu kampung mana lagi yang dia buka?**

**UHA** Tidak ada. Sebelum ini, Nibong ini tidak dia. Kawan dia. Dikatakan kawan dia bernama Tok Danau. Tok Danau buka Kampung Nibong *di alik* [disebalik] hilir lah. Tidak dia, kawan dia. Jadi kalau kiranya, dia *mari* [datang] itu dua rombongan lah. Rombongan Tok Uban, rombongan Tok Danau. Tok Danau berhenti di Nibong, buka Kampung Nibong. Tok Uban berhenti di Tok Uban ini, buka kampung Tok Uban.

**NH** **Oh maksudnya dia ada dua ketua?**

**UHA** Dua, dua. Jadi pecah sampai sini, pecah. Tok Danau berhenti di Nibong manakala Tok Uban berhenti disini. *Gitu* [sebegitu] lah.

**NH** **Ustaz rasa ilmu dia, boleh - ilmu yang ada pada Tok Uban ini dia memang digunakan tujuan untuk membantu?**



UHA Untuk membantu orang lah. Untuk menolong orang bukan untuk mengkhianati. Untuk membina masyarakat bukan untuk menyusahkan masyarakat. Tidak (bunyi angin).

NH **Maksud nya sumbangan Tok Uban ini semua kearah positif?**

UHA Kearah kebaikan lah.

NH **Selepas itu, selepas dia meninggal itu, tinggal generasi dia. Generasi dia masih meneruskan ke untuk menjaga kampung ini atau macam mana?**

UHA Oh, tentu sudah. Memang macam itu. Generasi dia, generasi kemudian - kemudian itu ambil alih kuasa Tok Uban lah. Memang sampai - - tapi sekarang *dok* [tidak lah] (ketawa kecil) lah. Tidak ada. Tapi seperti saya cakap Haji Ismail tadi, dia memang terkenal lah Haji Ismail ini, cicit dia.

NH **Mungkin dia akan sampai bila bila lah dia akan mewarisi - - ?**

UHA Tentulah. Benda itu tidak akan hilang lah. Tok Uban ini zuriat dia ada *sokmo* [sentiasa] (ayam berkokok).

EF **Keturunan Tok Uban sekarang - - ketua kampung sekarang, ini ada kene mengena dengan keturunan Tok Uban?**

UHA *La* [sekarang] ini? Tidak ada. Dia, anak Tok Uban tidak ada yang *duduk* [menetap] - - semua *duduk* [menetap] Kuala Lumpur sahaja. Tidak ada *duduk*

[menetap] sini. Tidak ada *hok* [yang] jadi ketua sini. Penghulu Mustafa itu, anak dia itu *duduk* [menetap] jual di kedai itu. Nama Mustafa bin Idris, itu zuriat dia lah itu. Pasal - - anak *laki-laki* [lelaki] lah. Masih ada lah dia penghulu kampung *hok* [yang] penghulu kampung. Dia penghulu kerajaan negeri. Ketua kampung. Istilah Kelantan penghulu tapi istilah sebelah luar dia panggil ketua kampung. Kalau Kelantan, penghulu itu ketua kampung lah. Atas daripada penghulu itu penggawa (menerangkan carta organisasi). *Gitu* [sebegitu] lah.

**NH** **Rumah yang dia -- Tok Uban duduk dahulu itu dia masih keturunan dia duduk atau rumah itu sudah hilang?**

**UHA** Tidak ada. Hilang sudah rumah, rumah dia -

**NH** **Dia tidak wariskan?**

**UHA** Tidak ada. Jadi mula, dari dulu lagi tapak rumah itu masih (kepunyaan) waris dia tapi orang tidak duduk, sudah jadi serupa kampung mati sahaja. Orang tinggal, duduk sana itu jauh lah. Pendalaman sedikit. Tempat dia, rumah dia mula. *La* [sekarang] ini orang tidak berapa ramai, orang ramai ke kedai lah.

**NH** **Makam Tok Uban itu dari rumah Tok Uban berapa lama ya?**

**UHA** Apa?

**NH** **Makam Tok Uban, kubur Tok Uban itu daripada rumah Ustaz dia -**

UHA Jauh *dekat [di]* ke? Ke? Tidak tahu tidak reti nak agak beberapa kilo (kilo meter – jarak).

NH **Dia di depan itu sahaja lah? Dia dalam kampung ini juga?**

UHA Tok Uban ke sini lah? Dia daripada kubur dia itu?

NH **Ustaz rasa Tok Uban ini dia bukan dikenali daripada daerah ini sahaja ke, satu Kelantan tahu mengenai Tok Uban ini, kisah dia?**

UHA Tidak boleh nak kata. Tak tahu lah mengenai Tok Uban.

NH **Sebab dia orang yang \_\_**

UHA Tahu. Cuma orang tak ambil berat lah. *Gitu* [sebegitu] *ja* [sahaja] lah. Tahu tahu.

NH **Tapi dah lama -**

UHA (Bersetuju) Dah lama kan. Sudah lama kan dan orang lain terkenal pada dia lah dia lah salah satu nya (ketawa kecil).

NH **Mungkin dia waktu dahulu dia satu nama yang besar di negeri Kelantan.**

UHA (Reaksi bersetuju)

EF **Ustaz ada tahu tidak mana-mana tempat lagi yang nama dia sempena Tok**

**Uban ini?**

UHA Eh tidak ada. Danau itu, selepas itu tidak ada dengar lah orang ambil nama sempena nama Tok Uban ini. Tidak ada dengar. Tidak ada.

NH **Kubur Tok Uban itu dia memang ada penjagaan khas ke atau dia macam biasa sahaja ke?**

UHA Dia ada wakaf bangunan lah. Ada bangunan tapi bangunan pun tidak terjaga juga lah. *Dibuat* [dibina] *kat* [oleh] ada orang buat, cucu dia tidak ada di rumah. Duduk Kuala Lumpur lah, Pasir Mas. Jauh, jadi bangunan buat pada tahun dua-ribu-satu (2001). Dia buat itu saya *suruh* [minta] buat. Saya *suruh* [minta] Zainal (Nik Zainal). Dia ada *pitih* [duit], Nik Zainal ini. Orang, - orang dia panggil hartawan di Kuala Lumpur. Zainal, Nik Zainal. Ini (berkenaan makam) saya *oyak* [cakap] *ke* [dengan] dia suruh buat itu bangunan. Dia buat lah, dia beri *pitih* [duit]. Dia keluar belanja saya ini urus *ja* [sahaja]. Ini baru tahun dua-ribu-satu (2001) baru buat bangunan lah.

NH **Ustaz pernah tengok tidak mungkin gambar dia ke buku-buku dia**

UHA Tidak ada.

NH **Dia tidak ada datang -**

UHA Tidak ada. Masa itu tidak ada gambar lagi kan. Tidak ada gambar. Tidak ada buku-buku. Tidak ada. Masa itu orang Kelantan ini buta huruf lagi. Tidak ada

sekolah, tidak ada gambar.

**NH Ilmu yang dia ada bukan dalam bentuk buku?**

UHA Tidak ada. Dia hafal (ketawa kecil). Dia belajar mulut ke mulut *gitu* [sebegitu].

**NH Keturunan dia, Ustaz cerita selain yang jadi Ustaz itu, dia adik-beradik dia yang lain, dia masih macam ayah dia tidak membantu orang kampung?**

UHA Serupa Nik Zainal itu. Nik Zainal itu sebab dia ini jenis pemurah. Nama, Nik Zainal, anak Abdul Rahman itu. Jadi bakat dia tidak ada, pemurah lah pemurah. Pemurah membuat kebajikan, mengikut Tok Uban ini. Dia pemurah lah, orang pemurah lah Tok Uban ini. Tidak bakhil lah. Jadi, zuriat dia pun masih ada sifat pemurah dia.

**EF Tok Uban ini sebagai bomoh, apa perkara yang paling hebat dia pernah lakukan sebagai bomoh?**

UHA Tidak ada. *Sakni* [sebentar tadi] pokok kayu *ja* [sahaja] lah. Dia tidak ada setahu saya lah. Kayu orang halus, dia pegang itu, bila dia bomoh, lepas balik. *Gitu* [sebegitu]. Hebat lah itu, orang lain tidak boleh buat (ketawa kecil).

**NH Tok Uban dia dapat tidak macam pengiktirafan daripada Kelantan? Mungkin Kelantan ada bayar apa-apa untuk keluarga dia sebab dia berusaha?**

UHA Tidak ada. Sebab masa dia itu masa tidak ada benda, tidak ada peraturan lagi. *Gitu-gitu* [sebegitu-sebegitu] *ja* [sahaja]. Tidak ada. Tidak ada *habuan* [pengiktirafan] *gapo* [apa-apa]. Sebab keluarga dia pun senang lah. Senang. (ayam berkokok).

EF Untuk keturunan dia, selain Nik Zainal itu ada siapa-siapa lagi tidak yang Ustaz tahu pasal keturunan dia?

UHA Apa dia? (tidak faham)

EF Keturunan dia, selain Nik Zainal itu, Ustaz ada tahu apa-apa tidak pasal keturunan dia yang lain *dorang* [mereka] buat apa, kerja apa?

UHA Kerja itu guru. Ramai guru *ja* [sahaja]. Berguru, berniaga lah banyak berniaga. Zainal itu berniaga. Dia ahli perniagaan. Dia *pitih* [duit] banyak Nik Zainal ini. Dia sudah pindah *K.L* (Kuala Lumpur). Ini, adik beradik dia kebanyakan berniaga. Guru pun ada. Guru -- pandai lah (ketawa kecil). Tidak *ngaji* [belajar] Malaysia, *ngaji* [belajar] *luar* (luar negara). *Ngaji* [belajar] seberang laut sebab itu, dia jadi orang *ngaji* [belajar] mudah.

NH Ok, selain itu Ustaz rasa apa pada pandangan Ustaz, apa sumbangan terbesar Tok Uban *dekat* [terhadap] kampung ini atau pun *dekat* [di] Kelantan ke, Ustaz rasa apa dia punya sumbangan?

UHA Tidak ada sumbangan Tok Uban (ketawa kecil). Meninggalkan kampung ini

untuk kita, sumbangan Tok Uban lah. Kalau dia tidak buka (Kampung Tok Uban), tidak ada kampung. Jasa dia lah. Jasa Tok Uban jadi Kampung Tok Uban sehingga maju sehingga serupa sekarang dia lah. Dia mengadakan sekolah kebangsaan. Sekolah Kebangsaan Tok Uban itu, Haji Ismail. Haji Ismail itu zuriat dia. Ayah Nik Zainal. Dia lah buka sekolah tahun empat-puluh (40). Di Kelantan tidak banyak sekolah masa itu. Tahun empat-puluh (40) itu Tok Uban ini -- dia panggil guru daripada orang Kota Bharu. Dia buka, dia suruh buat sekolah kecil. Panggil guru mengajar akhirnya berkembang Sekolah Tok Uban itu. Mula tidak ada sekolah. Tidak ada. Mula dulu orang *ngaji* [belajar] pondok sahaja. *Ngaji* [belajar] gini lah. Sekolah ini baru. Sekolah Tok Uban tahun empat-puluh (40), sama tua dengan saya lah (ketawa kecil). Tok Uban, Sekolah Tok Uban. Jasa-jasa Haji Ismail. Haji Ismail, ayah kepada Cikgu Deraman. Selepas itu, sekolah, balai polis Tok Uban. Buka kedai Tok Uban itu. Dia *baka* [keturunan] Haji Ismail. Jasa dia lah, zuriat dia lah itu.

**NH** Pada masa itu, Tok Uban ini dia antara negeri yang terawal - tempat yang terawal *dekat* [di] Kelantan atau pun dia sudah selepas \_?

**UHA** Lama sudah. Tidak terawal sudah. Sederhana. Tidak awal benar, tidak akhir benar lah. Yang lain sudah banyak sudah kampung nya. Tidak kata awal tapi akhir benar pun *dok* [tidak] lah. Masa itu sederhana la. *Gitu* [sebegitu] *ja* [sahaja] benda lama kan. Bahan tidak ada (ketawa kecil). Tidak ada. -- Pukul 6 sudah, minum air lah dulu. Minum (ketawa kecil). Benda cerita lama kan. Tidak

ada orang tahu. Jadi, nak mbil bahan dari mana? Kita tidak ada surat benar, kalau orang tulis di buku. Tidak, ini tidak ada. Pakai cerita-cerita mulut, cerita mulut pun *hok* [yang] semasa dia tidak ada sudah. *Hok* [yang] ke dia tidak ada. Sedikit-sedikit *gitu* [sebegitu] sahaja. Tidak tahu. Nak banyak-banyak nak ambil *ke* [dari] siapa? Tidak ada bahan, *gitu* [sebegitu] lah.

**NH**      **Ok, -- kita nak buat penutup lah Ustaz sekarang ini. Untuk pengetahuan Ustaz kami akan buat cerita ini dalam bentuk buku untuk diberikan kepada uiniversiti kami untuk markah. Selepas itu, terima kasih lah *dekat* (kepada) Ustaz sebab sudi meluangkan masa untuk kongsi cerita yang memang dapat membantu kami lah dalam tugas kami daripada U-I-T-M Machang ini terima kasih ya Ustaz.**

**UHA**      Iya lah.

**TAMAT BAHAGIAN 5**



# LAMPIRAN

# **LOG WAWANCARA**

## LOG WAWANCARA

Pengkaji menemuramah Ustaz Haji Ahmad bin Ali yang dilahirkan pada 1940 di Kampung Tok Uban. Temubual dijalankan di Pondok Haji Ali yang terletak di Kampung Tok Uban, Kelantan mengenai latar belakang, kejayaan dan juga pencapaian Tok Uban.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
00.52	Tokoh menerangkan tentang asal-usul pondok beliau	Haji Ahmad bin Haji Ali Pengkalan Machang Danau Tok Uban Haji Ali bin Haji Saleh Tahun 1940
2.02	Tokoh menerangkan tentang sejarah pendidikan beliau	Tahun 1953 hingga 1960 Madrasah Pondok Payung Kota Bharu Tahun 1960 hingga 1961 Kerajaan Pas Negeri Kelantan Peperiksaan Khas
2.45	Tokoh menceritakan pengalaman kerja beliau	Sekolah Kebangsaan Kedondong Tahun 1962 Sekolah Kebangsaan Tok Uban Tahun 1965 Sekolah Kebangsaan Bukit Pauh Tahun 1995 Masjid Mini Kampung Tok Uban Masjid Casi Teluk Sawa Masjid Mukim Kedepan Tok Uban Madrasah Kampung Chad

5.23	Tokoh menceritakan tentang latar belakang beliau	Tahun 1940 Kampung Tok Udat Tok Seman Daerah Kangkung
6.08	Tokoh menceritakan tentang isteri dan anak beliau	Aisyah binti Haji Sulaiman Hajah Salma binti Che Amit Kesedar Gua Musang Jabatan Perdana Menteri Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian Penglima Askar Jeneral Muhammad Marzuki Safura Balkis j-QAF Uzzair Kuala Lumpur Mohd Amin Universiti Utara Malaysia
<b>BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG TOK UBAN</b>		
11.19	Tokoh menerangkan tentang keturunan Tok Uban	Kampung Bok Kuala Krai Sulaiman Tok Ketot Dollah Dotan Awang Besar Haji Derasah Haji Ismail Haji Abdul Rahman

		Ketua kampung Nik Zainal Nik Nobil Nik Nani Mahmud Awang Kampung Rahmah Haji Hassan
14.07	Tokoh menceritakan bagaimana beliau mengenali Tok Uban	
17.55	Tokoh menceritakan tentang kebolehan serta ilmu Tok Uban	Tok Bomoh pokok cengal
21.31	Tokoh menceritakan tentang bagaimana Tok Uban mendapatkan ilmu beliau	
22.15	Tokoh menceritakan tentang keadaan di kampung selepas pemergian Tok Uban	bah merah
<b>BAHAGIAN 3: PERJALANAN HIDUP TOK UBAN</b>		
26.07	Tokoh menceritakan tentang bagaimana Tok Uban mula berhijrah ke Kampung Tok Uban	Ketua peneroka
28.21	Tokoh menerangkan tentang sejarah pembukaan Kampung Tok Uban	Cherang Kampung Alor

29.33	Tokoh menceritakan tentang pecahan kampung yang terdapat di Tok Uban	Sila Rasal Mok Kalut Serawa Bechah Kida penggawa Tok Imam
<b>BAHAGIAN 4: PERJUANGAN TOK UBAN</b>		
32.25	Tokoh menceritakan tentang pengikut Tok Uban	
34.46	Tokoh menerangkan tentang kelayakan Tok Uban yang membuatkan ramai orang menyenangi beliau	Bomoh mistik
<b>BAHAGIAN 5: KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN TOK UBAN</b>		
37.14	Tokoh menceritakan tentang pembukaan Danau Tok Uban	Danau Toba, Indonesia air sungai selam
39.22	Tokoh menceritakan tentang semasa kedatangan Tok Uban bersama rakan	Tok Danau Kampung Nibong Rombongan Tok Uban
43.04	Tokoh menerangkan tentang Makam Tok Uban	Wakaf Pasir Mas

		hartawan Tahun 2001
47.26	Tokoh menceritakan tentang sumbangan keturunan-keturunan Tok Uban	Kota Bharu Balai Polis Tok Uban Cikgu Deraman

# DIARI KAJIAN



## DIARI KAJIAN

TARIKH	PERKARA	TINDAKAN	ORANG YANG TERLIBAT
24/03/2016	Carian tajuk	Carian melalui laman sesawang	Elyn & Hanim
31/03/2016	Memilih tajuk 'Masjid Langgar'	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melawat Pusat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan yang terletak di Tanjong Chad, Kota Bharu</li> <li>• Melawat Muzium Negeri Kelantan</li> <li>• Melawat Masjid Langgar yang bertempat di Langgar, Kota Bharu</li> <li>• Bertemu dengan pegawai kebudayaan</li> <li>• Bertemu dengan kerani dan beliau memberi buku sebagai rujukan.</li> <li>• Tidak berjaya menemui sebarang maklumat</li> </ul>	Elyn, Hanim , Pegawai Kebudayaan & Kerani
01/04/2016	Menukar tajuk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengambil keputusan untuk menukar tajuk dari 'Masjid Langgar' kepada 'Kampung Berangan Mek Nab'</li> </ul>	Elyn, Hanim & Penduduk Kampung Berangan Mek

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertolak ke Kampung Berangan Mek Nab yang terletak di daerah Machang</li> <li>• Bertemu dengan beberapa penduduk kampung tetapi gagal mendapat maklumat yang sahih dan boleh dipercayai</li> </ul>	Nab
02/04/2016	Menukar tajuk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengambil keputusan untuk menukar tajuk dari 'Kampung Berangan Mek Nab' kepada 'Masjid Brunei'</li> <li>• Bertolak ke Tok Uban tetapi hanya separuh jalan kerana sesat</li> <li>• Ke Masjid Brunei yang terletak di Danau Tok Uban, Pasir Mas</li> <li>• Bertemu dengan Ustaz Zul yang juga salah seorang tenaga pengajar di Tahfiz yang berdekatan dengan Masjid Brunei</li> </ul>	Elyn, Hanim & Ustaz Zul
03/04/2016	Kembali ke Tok Uban	Bertemu dengan Ustaz Hj Ahmad bin Hj Ali dan mengatur untuk temu janji yang seterusnya setelah mengambil biodata beliau	Elyn, Hanim & Ustaz Hj Ahmad bin Hj Ali
24/4/2016	Temuramah bersama Ustaz Hj Ahmad Bin	• Temuramah dijalankan di kediaman Ustaz Hj Ahmad Bin Hj Ali	Elyn, Hanim & Ustaz Hj Ahmad bin Hj Ali

	Hj Ali.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Temuramah dijalankan pada jam lima petang.</li> <li>• Temuramah yang dijalankan mengambil masa hamper satu jam.</li> </ul>	
3/5/2016	Proses menaip transkrip	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses menaip transkrip mengambil masa masa lebih kurang lima hari,</li> <li>• Proses menaip transkrip dimulakan dengan mendengar dan menulis setiap perkara yang disebut dalam temubual tersebut.</li> <li>• Proses ini dimulakan tanpa sebarang proses meletakkan sebarang penanda wacana dan proses menambah baikkan struktur ayat.</li> </ul>	Elyn & Hanim
18/5/2016	Proses penyuntingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses penyuntingan akhir dilakukan untuk menambah baikkan hasil temuramah.</li> <li>• Proses penyuntingan dibuat untuk mendapatkan hasil transkrip yang bebas daripada sebarang masalah ejaan.</li> <li>• Penyuntingan juga melibatkan proses menambah penanda wacana yang sesuai untuk</li> </ul>	Elyn & Hanim

		memudahkan dokumen dibaca.	
26/5/2016	Penghantaran draf akhir transkrip	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Draf keseluruhan transkrip dicetak dan dihantar ke bilik pensyarah</li> <li>• Draf yang dihantar merangkumi keseluruhan transkrip yang telah siap di olah sepenuhnya.</li> </ul>	Elyn, Hanim & Puan Kamariah
7/6/2016	Penghantaran keseluruhan pendokumentasian pro	Seluruh dokumen yang terlibat dicetak dan dihantar kepada pihak berkenaan.	Elyn, Hanim & Puan Kamariah

# SENARAI SOALAN

### **Latar Belakang Tokoh (Pengkisah)**

1. Apakah nama penuh Ustaz?
2. Berapakah umur Ustaz?
3. Dimanakah Ustaz dilahirkan?
4. Apakah pekerjaan dahulu?
5. Berapa lama tempoh Ustaz bekerja?
6. Apakah pekerjaan Ustaz sekarang?
7. Dimana Ustaz mendapat pendidikan?
8. Apakah nama isteri Ustaz?
9. Berapakah bilangan anak-anak Ustaz?
10. Adakah Ustaz berasal dari kampung Tok Uban?

### **Latar Belakang Tok Uban**

1. Sewaktu umur berapa Ustaz mengetahui cerita mengenai Tok Uban?
2. Adakah ramai yang mengetahui kisah Tok Uban?
3. Adakah orang kampung ini sendiri tahu mengenai sejarah Tok Uban?
4. Selain dari kami, ada orang lain atau tidak yang pernah berjumpa Ustaz untuk tahu mengenai cerita Tok Uban?
5. Apakah nama penuh tok uban?
6. Mengapakah beliau dipanggil Tok Uban?
7. Bagaimanakah rupa Tok Uban?
8. Pada tarikh berapakah Tok Uban dilahirkan?
9. Bagaimanakah peribadi Tok Uban?

10. Berapakah bilangan adik beradik Tok Uban?
11. Pada umur berapakah Tok Uban berkahwin?
12. Apakah nama isteri Tok Uban?
13. Berapakah bilangan anak Tok Uban?
14. Generasi keberapakah Tok Uban sekarang?
15. Adakah keturunan Tok Uban masih menetap disini?
16. Dengan siapakah Tok Uban berguru?
17. Dari umur berapakah Tok Uban belajar?
18. Adakah Tok berguru dengan ramai tuan guru?
19. Apakah pekerjaan Tok Uban semasa beliau muda?
20. Adakah anak-anak Tok Uban mewarisi sifat-sifat yang ada pada Tok Uban?
21. Pada umur berapakah Tok Uban meninggal dunia?
22. Dimanakah Tok Uban meninggal dunia?
23. Dimanakah Tok Uban dikebumikan?
24. Adakah selepas Tok Uban meninggal dunia, terdapat perkara aneh yang berlaku?
25. Adakah tanah perkuburan Tok Uban dijadikan kawasan pemujaan?
26. Adakah tanah perkuburan Tok Uban masih dikunjungi oleh orang ramai?

### **Perjalanan Hidup Tok Uban**

1. Dari manakah bermulanya perjalanan Tok Uban?
2. Apakah tempat pertama yang dibuka oleh Tok Uban?
3. Pada umur berapakah Tok Uban datang ke kawasan ini?
4. Mengapa Tok Uban tertarik dengan kawasan ini?

5. Siapakah lagi yang sama-sama membuka kawasan ini?
6. Mengapakah Tok Uban memilih kawasan ini untuk membuka kawasan?
7. Berapakah jumlah daerah yang termasuk dalam mukim Tok Uban?
8. Apakah keunikan yang ada di kawasan Tok Uban?
9. Adakah Tok Uban menetap di kawasan ini setelah dia membuka kawasan ini?
10. Jika tidak, dimanakah Tok Uban berada selepas itu?

### **Perjuangan Tok Uban**

1. Sebelum menetap di Kampung Tok Uban, dimanakah tempat asal Tok Uban?
2. Apakah sebab Tok Uban berpindah dari tempat lama beliau?
3. Adakah Tok Uban merantau untuk mencari ilmu?
4. Bagaimanakah Tok Uban boleh menetap di Kampung Tok Uban ini?
5. Siapakah orang terawal yang mengenali Tok Uban semasa beliau berpindah?
6. Apakah faktor Tok Uban datang ke Kampung Tok Uban ini?
7. Adakah faktor itu mendorong Tok Uban untuk terus menetap disini?
8. Adakah Tok Uban mendapati kampung ini sesuai untuk beliau diami?
9. Bersama siapakah Tok Uban datang ke Kampung Tok Uban ini?
10. Adakah Tok Uban mempunyai sebarang ilmu persilatan atau seni pertahankan diri?
11. Adakah ilmu (agama/pengetahuan/pertahankan diri) yang Tok Uban punyai itu sangat bernilai?
12. Adakah Tok Uban pernah berguru dengan mana-mana tokoh terkemuka sebelum ini?
13. Apakah kesusahan yang Tok Uban lalui sepanjang mahu mula bertapak di Kampung Tok Uban ini?



14. Adakah Tok Uban ditentang oleh mana-mana pihak?
15. Apakah kelayakan Tok Uban yang membuatkan beliau sangat dikenali dan disegani pada zaman beliau itu?
16. Adakah ramai pengikut Tok Uban?
17. Adakah pengikut beliau mempunyai kehebatan yang sama seperti beliau?
18. Berapa ramaikah pengikut beliau?
19. Adakah kelebihan Tok Uban itu menyumbang kepada kebaikan kepada kampung dan juga penduduknya sehingga ke hari ini?

#### **Kejayaan Dan Pencapaian Tok Uban**

1. Adakah Tok Uban ada terlibat dengan terjadinya tasik besar yang terletak antara Kampung Tok Uban dan Danau Tok Uban ini?
2. Selain dari Kampung Tok Uban ini, adakah Tok Uban terlibat lagi dengan sejarah pembukaan kampung lain di Kelantan?
3. Mengapa nama Tok Uban begitu ternama di seluruh pelosok Kelantan?
4. Kenapa Kampung Tok Uban ini diberikan sempena nama beliau?
5. Apakah sumbangan Tok Uban ke atas penduduk kampung ini?
6. Apakah sumbangan Tok Uban ke atas penduduk sekeliling?
7. Adakah ilmu yang Tok Uban punyai membantu orang sekeliling beliau?
8. Adakah ilmu yang Tok Uban punyai itu memberi sumbangan besar terhadap pertumbuhan Kampung Tok Uban ini?
9. Adakah sumbangan Tok Uban itu adalah perubahan positif?

10. Adakah sebarang pencapaian yang Tok Uban telah sumbangkan terhadap kampung ini?
11. Adakah pencapaian terbesar Tok Uban terhadap negeri Kelantan ini selain dari pembukaan kampung ini?
12. Adakah anak-anak Tok Uban juga mempunyai kehebatan yang sama seperti beliau?
13. Adakah anak-anak Tok Uban turut menyumbang terhadap kesejahteraan kampung ini?
14. Adakah keturunan Tok Uban masih menetap disini?
15. Adakah masih ada rumah yang Tok Uban diami?
16. Adakah masih ada bukti-bukti peninggalan Tok Uban?
17. Dimanakah terletaknya makam Tok Uban?
18. Adakah makam tersebut masih terjaga dengan baik?
19. Adakah wujud buku-buku mahupun nota peninggalan Tok Uban?
20. Adakah barang peninggalan itu masih boleh dipraktikkan sehingga ke hari ini?
21. Adakah keturunan beliau yang menjadi tokoh dan membantu orang kampung seperti beliau?
22. Adakah Tok Uban menyandang apa-apa jawatan?
23. Jika ada, jawatan apakah yang disandang beliau?
24. Adakah Tok Uban mendapat apa-apa pengiktirafan sehingga ke hari ini?
25. Soalan terakhir dari kami, apakah sumbangan terbesar, pada pandangan tuan (Ustaz Ahmad), Tok Uban terhadap Kampung Tok Uban kepada masyarakat tempatan?

# **SURAT PERJANJIAN**



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan U27A2 HJ AHMAD BIN HJ ALI Pada 24/04/2016

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan. Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah

Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.

# INDEKS

## A

*air sungai, 38*

*Aisyah binti Haji Sulaiman, 17*

*Awang Besar, 21, 22*

*Awang Kampung, 22*

## B

*Balai Polis Tok Uban, 46*

*Balkis, 19*

*Bechah Kida, 33*

*Bomoh, 24, 25, 26, 28, 34, 35, 36, 37, 44*

## C

*Cherang, 32*

*Cikgu Deraman, 47*

## D

*Daerah Kangkung, 17, 33*

*Danau Toba, 39*

*Danau Tok Uban, 15, 39, 40*

*Dotan, 21, 22*

## H

*Hajah Salma, 17*

*Haji Abdul Rahman, 21, 25, 26*

*Haji Ahmad bin Haji Ali, 14, 15*

*Haji Ali bin Haji Saleh, 15*

*Haji Derasah, 21*

*Haji Hassan, 22*

*Haji Ismail, 41, 47*

*Hartawan, 44*

## **J**

*Jabatan Perdana Menteri, 18, 19*

*j-QAF, 19*

## **K**

*Kampung Alor, 32*

*Kampung Bok, 21*

*Kampung Nibong, 40, 41*

*Kampung Tok Udat, 17*

*Kerajaan Pas Negeri Kelantan. 15*

*Kesedar Gua Musang. 18*

*ketua kampong, 22, 42*

*Ketua peneroka, 21, 22, 31*

*Kota Bharu, 15, 47*

*Kuala Krai, 21, 25*

*Kuala Lumpur, 19, 42, 44, 46*

## **M**

*Madrasah Kampung Chad, 16*

*Madrasah Pondok Payung, 15*

*Mahmud, 22*

*Masjid Casi, 16*

*Masjid Mini Kampung Tok Uban, 16*

*Masjid Mukim Kedepan Tok Uban, 16*

*Mohd Amin, 19*

*Mok Kalut, 33*

*Muhammad Dollah, 21, 22*

*Muhammad Marzuki, 19*

## **N**

*Nik Nani, 21*

*Nik Nobi, 21, 26*

*Nik Zainal, 21, 22, 26, 22, 45, 46, 47*

## **P**

*Pasir Mas, 16, 44*

*Penggawa, 33, 42*

*Pengkalan Machang, 15, 33*

*Penglima Askar Jeneral, 19*

*Peperiksaan Khas, 15ce*

*pokok cengal, 24*

## **R**

*Rahmah, 22*

*Rasal, 33*

*Rombongan, 31, 36, 40*

## **S**

*Saprok, 19*

*Sekolah Kebangsaan Bukit Pauh, 16*

*Sekolah Kebangsaan Kedondong, 16*

*Sekolah Kebangsaan Tok Uban, 16, 19,  
20, 47*

*Selamm 39, 40*

*Serawa, 33*

*Sila. 33*

*Sulaiman, 17, 21*

## **T**

*Teluk Sawa, 16*

*Tok Danau, 40, 41*

*Tok Imam, 21, 23, 33, 34*

*Tok Ketot, 21, 25, 28*

*Tok Seman, 17*

## **U**

*Universiti Sains Malaysia, 19*

*Universiti Utara Malaysi, 19*

*Uzzair, 19*

## **W**

*Wakaf, 44*